PRIVACY POLICY

Please be assured that we are committed in protecting your privacy and providing you with a pleasant experience on the eConfirm.my website including all other websites with sub-domain of eConfirm.my (hereinafter collectively referred to as "Websites" and the word "Websites" shall include the online bank confirmation platform available via the Website). This Privacy Policy applies to the Websites and describes the ways we collect, use, store and protect your personal information and any other information belonging to other individual or entity in which you are duly authorised to upload the same into the Websites. This Privacy Policy is issued pursuant to the requirements of the Personal Data Protection Act 2010.

In this Privacy Policy, the terms "**we**", "**us**", "**our**" refer to Extol Corporation Sdn Bhd. "**You**" and "**Your**" means the individual or legal entity accessing or using the Websites.

In addition to this Privacy Policy, you are also subject to the Terms of Use and any other agreement that you or your registered audit firm or bank entered into with us.

1. Objective

To ensure no breach of information security risk.

2. Information We Collect

(a) Personal data is the information that can be used to identify or contact you including but not limited to your name, email address, company's name, and Malaysian Institute of Accountants' (hereinafter referred to as "**MIA**") membership number (only applicable to certain users) (hereinafter referred to as "**Personal Data**").

(b) By accessing our Websites, you agree that we may also automatically collect certain information including without limitation your Internet Protocol address, browser type, internet service provider and information about your device's operating system.

(c) We may require you to provide us with additional information from time to time as you access and use the Websites.

(d) We also collect and store Personal Data of a third party provided or uploaded by you into the Websites, where permitted by law.

(e) The Personal Data and/or such additional information may be essential to us in order to allow you to access and use the Websites. You may choose not to provide such information but as a result you might not be able to utilise and use the features and functionalities provided on the Websites.

3. Ways of Collecting Information

We obtain and collect your Personal Data or Personal Data of a third party in many ways including but not limited to: -

(a) When you register, create and/or activate your account on the Website;

(b) Through the process of requesting the bank confirmation and replying to the bank confirmation request between the audit firm user and the bank user on the Website;

(c) If applicable, when you pay a certain fee for the confirmed bank confirmation reply that you received from the bank;

(d) When you contact or reach out to us through any means for any matter including but not limited to technical assistance;

(e) When we obtain any data or information from any third party such as MIA; and/or

(f) From publicly available sources.

4. Use of Information

We may process the Personal Data and/or any information collected through the Websites for any of the following purposes: -

(a) To present the Websites and its contents to you;

(b) To provide you with the electronic bank confirmation platform made accessible through the Websites or the requested service such as creating a user account, activating or validating your account, sending bank confirmation request to the bank user, sending bank confirmation reply to the audit firm user who had made such request, and facilitating any communication between the users;

(c) To develop, operate, administer and improve the Websites and its contents;

(d) For internal training and for us to have a better understanding on how the Websites is being used by monitoring, tracking and analysing usage and your behavior in using the Websites, to conduct quality control and to fix any technical error or problem for better performance and functionality of the Website;

(e) To protect the security of you and the Websites by verifying your identity before you use the Website;

(f) To communicate with you, provide you with support and respond to your enquiries and complaints;

(g) To send you billing reminders (if applicable) and notifications in respect of the Websites and/or our new products and services;

(h) To carry out our obligations and enforce our rights as provided in the Terms of Use and/or any other agreement entered into between you or your registered audit firm or bank and us and to comply with all applicable laws, rules and regulations; and/or

(i) For other purposes with your consent.

5. Sharing and Disclosure of Information

We may share your Personal Data and/or other information with the following entities: -

(a) With our subsidiaries and affiliates as these entities need to have access to such Personal Data and/or other information in order to provide and/or perform the requested service, to manage risk, and other internal functions provided that they follow practices regarding personal data and/or information collected through the Websites as described in this Privacy Policy;

(b) With the contractors and third-party service providers who we use to support our business by performing functions in our direction or otherwise on our behalf. Amongst the functions are hosting and developing the Websites, resolving errors and technical problems in relation to the Websites, processing payments, marketing, fraud prevention and/or for other purposes within the ordinary course of business. These third parties only have access to your Personal Data and/or other information needed to perform their functions and they are not allowed to use or share such Personal Data and/or other information for any other purpose that is not authorised for them to do so. They are required to follow practices at least as protective as those described in this Privacy Policy. We will not be liable for any act or omission of these third parties that contravenes with this Privacy Policy;

(c) With other business entities in the event or merger and acquisition, restructuring, reorganisation, sale or transfer of business assets, liquidation or any other similar proceeding, in which your Personal Data and/or other information collected by us are among the things transferred;

(d) With other companies if you give us permission to share your Personal Data and/or other information; and/or

(e) With governmental and enforcement regulatory agencies as permitted or required by law where disclosure of your Personal Data and/or other information is necessary to comply with the law, court order, subpoena or other legal process.

6. Cookies

A cookie is a piece of information sent from a website to your browser and then stored on your computer system. We may use cookies or such other technologies to store your preference, track your trend, record session information and/or any other purpose permitted in this Privacy Policy. This is to customise your experience in accessing and using the Websites and to personalise the Websites by remembering information about your activities on the Websites. We may use cookies to remember and save your user identification and login password for your future logins to the Websites.

You can adjust or change settings on your browser either to stop accepting cookies or to notify you when you receive such cookies. However, if you opt not to receive cookies, your access to and use of the Websites may be limited or restricted.

7. Protection of Information

We maintain reasonable and appropriate physical, electronic, technical and organisational security measures to safeguard and protect your Personal Data and/or other information against any loss, misuse, unauthorised access or alteration, disclosure or destruction of your Personal Data and/or other information except such information allowed to be disclosed publicly as provided in this Privacy Policy. The security measures include but not limited to using Transport Layer Security (TLS) for secure transmission of data via the internet and using AES 256 and/or RSA 2048 encryption method to encrypt the sensitive data before storing in the server storage. In view of the aforesaid, any sensitive information entered or uploaded into the Website is encrypted. The servers that store all Personal Data and/or other information are in a secure environment in a hardened hosting facility. In fact, the Personal Data and/or other information stored by us are only strictly accessible to the authorised employees that need to have access to the same in order to perform their specific job duties.

Even though we do our best to secure and protect your Personal Data and/or other information against any of the abovementioned, we cannot guarantee that the transmission of your Personal Data and/or such other information to our websites is

free from any risk. You are responsible for keeping your own password and registration information safe and confidential.

In respect of the data retention, we will retain your Personal Data and/or other information as long as necessary to fulfil the purposes for which they are collected or to comply with the applicable legal, regulatory and/or internal requirements.

8. Limitation of Liability

We take reasonable efforts to protect your Personal Data and/or other information collected through the Websites. Nonetheless, you are aware and acknowledge that we can only reduce, amongst others, the risk of loss, misuse, unauthorised access, or disclosure by any unauthorised individual or entity but we cannot completely eliminate all risks associated with your data or information.

You hereby expressly agree that we are not liable for any direct, indirect, punitive, incidental, economic, special, consequential or exemplary damages or losses of any type or kind arising from your use of the Websites including but not limited to transmitting your Personal Data and/or other information or Personal Data of any third party to the Websites. We are also not liable if such loss, misuse, unauthorised access to or unauthorised disclosure of such personal information occurs as a result of your intentional or negligent act or omission.

9. Notification of Amendment

We may amend the Privacy Policy from time to time where the amendment notice will be posted on the Websites and will only be effective thirty (30) days after the date of posting, except as otherwise stated. Apart from posting the amendment notice on the Websites, we will also notify you of such amendment via email before it becomes effective. After the above period, your continuing access and use of the Websites shall constitute and be deemed to be your acceptance to such amendment. If you disagree with the amendment, you are advised to immediately stop accessing and using the Websites.

10. Links to Third Party Sites

The Websites may include links to other website(s) whose privacy practices may differ from ours. If you submit any personal data to any of those websites, your information is governed by their privacy policies. We advise you to carefully read the privacy policy of any website(s) you visit.

11. Language

This Privacy Policy is issued in both English and Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistencies or discrepancies between the English version and the Bahasa Malaysia version, the English version shall prevail.

12. Our Contact

If there are any changes to be made to your Personal Data or you have any questions to ask us about this Privacy Policy, you may contact us at support@econfirm.my or write to us at: -

Extol Corporation Sdn Bhd
1-40-1, Menara Bangkok Bank,
Berjaya Central Park,
No. 105, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur

DASAR PRIVASI

Sila yakin bahawa kami komited dalam melindungi privasi anda dan menyediakan anda dengan pengalaman sebaik mungkin semasa melayari laman web “eConfirm.my” dan segala sub-domains “eConfirm.my” (selepas ini dirujuk sebagai “**Laman Web**” dan istilah Laman Web hendaklah merangkumi platform pengesahan bank secara talian yang boleh diakses melalui Laman Web). Dasar Privasi ini terpakai untuk Laman Web dan menerangkan bagaimana kami mengumpul, menggunakan, menyimpan dan melindungi maklumat peribadi anda dan maklumat peribadi mana-mana individu atau entiti yang mana kami diberi kuasa untuk memuat naik maklumat tersebut dalam Laman Web ini. Dasar Privasi ini disediakan selaras dengan Akta Perlindungan Peribadi 2010.

Dalam Dasar Privasi ini, istilah “**kami**” merujuk kepada Extol Corporation Sdn Bhd. “**Anda**” adalah individu atau entiti yang mengakses atau menggunakan Laman Web ini.

Selain daripada Dasar Privasi, anda juga tertakluk kepada Terma Penggunaan dan apa-apa perjanjian lain yang dimasuki oleh anda/firma audit anda/bank anda dengan kami.

1. Objektif

Untuk memastikan tiada pelanggaran risiko keselamatan maklumat.

2. Maklumat yang dikumpul oleh kami

(a) Data peribadi adalah maklumat yang boleh digunakan untuk mengenal pasti atau menghubungi anda termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, emel, nama syarikat dan nombor keahlian Institut Akauntan Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai “**MIA**”) (jika berkenaan) (selepas ini dirujuk sebagai “**Data Peribadi**”)

(b) Dengan mengakses Laman Web ini, anda bersetuju bahawa kami mungkin akan mengumpul maklumat tertentu secara automatik termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat Protokol Internet, jenis pelayar web, pembekal perkhidmatan internet dan maklumat mengenai sistem operasi peranti anda.

(c) Kami mungkin memerlukan anda untuk membekalkan kepada kami maklumat tambahan dari semasa ke semasa sepanjang pengaksesan dan penggunaan Laman Web ini.

(d) Kami juga mengumpul dan menyimpan Data Peribadi pihak ketiga yang dibekalkan atau dimuat naik oleh anda ke Laman Web setakat yang dibenarkan untuk berbuat demikian oleh undang-undang.

(e) Data Peribadi dan/atau maklumat tambahan lain mungkin penting bagi kami untuk membolehkan anda mengakses dan menggunakan Laman Web ini. Anda boleh memilih untuk tidak memberi maklumat tersebut tetapi akibatnya anda mungkin tidak dapat menggunakan ciri-ciri dan fungsi-fungsi Laman Web ini secara menyeluruh.

3. Cara-Cara Pengumpulan Maklumat

Kami memperoleh dan mengumpul Data Peribadi anda atau Data Peribadi pihak ketiga dengan pelbagai cara termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

(a) Apabila anda mendaftar, membuka dan/atau mengaktifkan akaun anda di Laman Web ini;

(b) Melalui proses meminta pengesahan bank dan membalas permintaan untuk pengesahan bank antara pengguna firma audit dan pengguna bank di Laman Web ini;

(c) Jika berkenaan, apabila anda membayar caj tertentu bagi pengesahan bank yang diterima daripada pihak bank;

(d) Apabila anda menghubungi kami menerusi pelbagai cara untuk apa-apa perkara termasuk tetapi tidak terhad kepada bantuan teknikal;

(e) Apabila kami memperoleh apa-apa data atau maklumat daripada pihak ketiga seperti MIA; dan/atau

(f) Daripada sumber-sumber umum.

4. Penggunaan Maklumat

Kami mungkin memproses Data Peribadi dan/atau maklumat yang dikumpul melalui Laman Web ini bagi mana-mana tujuan di bawah:-

(a) Untuk mempersembahkan Laman Web ini dan kandungannya kepada anda;

(b) Untuk menyediakan platform pengesahan bank secara talian yang boleh diakses melalui Laman Web ini atau perkhidmatan lain seperti membuka akaun pengguna, mengaktifkan atau mengesahkan akaun anda, menghantar permintaan pengesahan bank kepada pengguna bank, menghantar pengesahan balasan bank kepada pengguna firma audit, dan membantu dalam memudahkan komunikasi antara pengguna-pengguna;

(c) Untuk membangunkan, mengendalikan, mentadbir dan menambah baik Laman Web dan kandungannya;

(d) Untuk latihan dalaman dan untuk kami memahami dengan lebih baik lagi bagaimana Laman Web ini digunapakai dengan memantau, mengesan dan menganalisis penggunaan dan tingkah laku anda dalam menggunakan Laman Web, untuk menjalankan kawalan kualiti dan membaiki apa-apa kesilapan atau masalah teknikal bagi tujuan meningkatkan prestasi dan fungsi Laman Web ini;

(e) Untuk melindungi keselamatan anda dan Laman Web ini dengan mengesahkan identiti anda sebelum anda boleh menggunakan Laman Web ini;

(f) Untuk berkomunikasi dengan anda, menyediakan anda dengan perkhidmatan pengguna dan membalas segala pertanyaan dan aduan anda;

(g) Untuk menghantar peringatan bil (jika berkenaan) dan notifikasi berkaitan dengan Laman Web ini dan/atau produk dan perkhidmatan kami yang terkini;

(h) Untuk menjalankan tanggungjawab dan menguatkuasakan hak-hak kami sebagaimana yang diperuntukkan dalam Terma Penggunaan dan/atau apa-apa perjanjian lain yang dimasuki oleh anda/firma audit anda/bank anda dengan kami dan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan; dan/atau

(i) Untuk tujuan-tujuan lain dengan persetujuan anda.

5. Perkongsian dan Pendedahan Maklumat

Kami mungkin berkongsi Data Peribadi dan/atau maklumat lain dengan entiti-entiti seperti yang tertera di bawah:-

(a) Dengan anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu kami di mana entiti-entiti ini perlu mempunyai akses kepada Data Peribadi dan/atau maklumat lain bagi menyediakan dan/atau melaksanakan perkhidmatan, untuk menguruskan risiko, dan fungsi-fungsi dalaman yang lain dengan syarat bahawa entiti-entiti ini mengikut amalan-amalan berkaitan dengan Data Peribadi dan/atau maklumat lain yang dikumpul melalui Laman Web ini seperti yang digariskan dalam Dasar Privasi ini;

(b) Dengan kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan untuk menyokong perniagaan kami dengan melaksanakan fungsi-fungsi atas arahan kami atau bagi pihak kami. Antara fungsi-fungsi berikut adalah mengehoskan dan membangunkan Laman Web ini, menyelesaikan masalah kesilapan dan teknikal berhubung dengan Laman Web, memproses pembayaran, pemasaran, pencegahan frod dan/atau tujuan-tujuan lain dalam urusan perniagaan yang biasa. Pihak-pihak ketiga ini hanya mempunyai akses kepada Data Peribadi dan/atau maklumat lain setakat yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi-fungsi dan mereka tidak sama sekali dibenarkan untuk menggunakan atau berkongsi Data Peribadi dan/atau maklumat lain untuk apa-apa tujuan yang mana mereka tidak diberi kuasa untuk melaksanakannya. Mereka dikehendaki untuk mengikut amalan-amalan yang sekurang-kurangnya protektif seperti yang diperuntukkan dalam Dasar Privasi ini. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang perbuatan atau peninggalan pihak-pihak ketiga ini yang bertentangan dengan Dasar Privasi ini;

(c) Dengan entiti-entiti perniagaan yang lain sekiranya berlaku pencantuman dan pengambilan, penstrukturan semula, penyusunan semula, penjualan atau pemindahan aset perniagaan, likuidasi atau apa-apa prosiding, yang mana Data Peribadi dan/atau maklumat lain anda yang dikumpul oleh kami merupakan antara perkara yang dipindah;

(d) Dengan syarikat-syarikat lain jika anda memberikan persetujuan untuk kami berkongsi Data Peribadi anda dan/atau maklumat lain; dan/atau

(e) Dengan agensi kerajaan dan agensi penguatkuasaan undang-undang seperti yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, di mana pendedahan Data Peribadi dan/atau maklumat lain anda adalah perlu bagi mematuhi undang-undang, perintah mahkamah, sepina atau proses undang-undang yang lain.

6. Kuki

Kuki adalah sekeping maklumat yang dihantar oleh laman web kepada pelayar anda dan kemudiannya disimpan dalam sistem komputer anda. Kami mungkin menggunakan kuki atau teknologi lain untuk menyimpan pilihan anda, menjejaki arah aliran anda, merekodkan maklumat sesi dan/atau tujuan lain yang dibenarkan dalam Dasar Privasi ini. Ini adalah untuk menyesuaikan pengalaman anda dalam pengaksesan dan penggunaan Laman Web ini dan menyesuaikan Laman Web dengan mengingati maklumat berkaitan dengan aktiviti-aktiviti anda di Laman Web ini. Kami juga mungkin menggunakan kuki untuk mengingati dan menyimpan pengenalan ahli dan kata laluan log masuk anda bagi tujuan log masuk anda di Laman Web pada masa akan datang.

Anda boleh melaraskan atau mengubah tetapan pada pelayar anda sama ada untuk berhenti menerima kuki atau memberi notifikasi kepada anda apabila anda menerima kuki tersebut. Walau bagaimanapun, jika anda memilih untuk tidak menerima kuki, pengaksesan dan penggunaan anda di Laman Web ini berkemungkinan diterhadkan atau disekat.

7. Perlindungan Maklumat

Kami mengekalkan langkah-langkah keselamatan fizikal, elektronik, teknikal dan organisasi yang wajar dan bersesuaian bagi memelihara dan melindungi Data Peribadi dan/atau maklumat lain anda daripada sebarang kehilangan, penyalahgunaan, pengaksesan tanpa kebenaran atau pengubahan, pendedahan atau pemusnahan Data Peribadi dan/atau maklumat lain anda kecuali jika maklumat tersebut dibenarkan untuk didedahkan kepada umum seperti yang diperuntukkan dalam Dasar Privasi. Langkah-langkah keselamatan termasuk penggunaan Transport Layer Security (TLS) semasa penghantaran data dalam internet dan penggunaan kaedah penyulitan AES-256 dan / atau RSA-2048 untuk menyulitkan data sensitif sebelum menyimpan di storan pelayan. Sebarang maklumat sensitif

yang dimasuki atau dimuat naik ke Laman Web ini adalah disulitkan. Pelayan-pelayan yang menyimpan semua Data Peribadi dan/atau maklumat lain berada di persekitaran yang selamat iaitu dalam fasiliti pengehosan yang teguh. Selain itu, Data Peribadi dan/atau maklumat lain yang disimpan oleh kami hanya boleh diakses oleh pekerja-pekerja yang diberi kuasa sahaja di mana pengaksesan tersebut adalah perlu untuk menjalankan tugas kerja spesifik mereka.

Walaupun kami melakukan yang terbaik untuk melindungi Data Peribadi dan/atau maklumat lain anda, kami tidak dapat menjamin bahawa penghantaran Data Peribadi dan/atau maklumat lain anda ke Laman Web ini bebas daripada sebarang risiko. Anda bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan kata laluan dan maklumat pendaftaran anda selamat dan sulit.

Berhubung dengan penyimpanan data, kami akan menyimpan Data Peribadi dan/atau maklumat lain anda selama mana yang perlu untuk memenuhi tujuan-tujuan ia dikumpulkan atau untuk mematuhi undang-undang, peraturan dan/atau keperluan dalaman. Jika Data Peribadi dan/atau maklumat lain anda tidak lagi diperlukan oleh kami atau dokumen-dokumen berkaitan dengan permintaan pengesahan bank dan pengesahan balasan bank tersebut telah dimuat turun oleh pengguna yang berkenaan, kami akan menghapuskan dan membuangnya daripada sistem kami melainkan sebaliknya dinyatakan di sini.

8. Had Liabiliti

Kami mengambil usaha-usaha wajar untuk melindungi Data Peribadi dan/atau maklumat lain anda yang dikumpul melalui Laman Web ini. Meskipun demikian, anda sedar dan mengakui bahawa kami hanya boleh mengurangkan, antaranya, risiko kehilangan, penyalahgunaan, pengaksesan tanpa kebenaran, atau pendedahan oleh individu atau entiti yang tidak diberi kuasa tetapi kami tidak dapat menghapuskan sepenuhnya semua risiko yang berkaitan dengan data atau maklumat anda.

Anda dengan ini bersetuju bahawa kami tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian dalam sebarang bentuk sama ada secara langsung, tidak langsung, punitif, sampingan, ekonomik, khas, akibat, atau teladan yang disebabkan oleh penggunaan Laman Web ini termasuk tetapi tidak terhad kepada penghantaran Data Peribadi dan/atau maklumat lain anda atau Data Peribadi pihak ketiga ke Laman Web ini. Kami juga tidak akan bertanggungjawab sekiranya sebarang kehilangan, penyalahgunaan, pengaksesan tanpa kebenaran atau pendedahan maklumat peribadi tanpa kebenaran berlaku disebabkan oleh tindakan atau peninggalan anda yang sengaja atau cuai.

9. Pemberitahuan Pindaan

Kami mungkin meminda Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa di mana notis pindaan akan dipaparkan di Laman Web ini dan hanya akan efektif tiga puluh (30) hari selepas tarikh paparan tersebut, kecuali dinyatakan sebaliknya. Selain daripada memaparkan notis pindaan di Laman Web ini, kami juga akan memaklumkan pindaan tersebut kepada anda melalui email sebelum ianya menjadi efektif. Sejurus

selepas tempoh masa di atas tamat, pengaksesan dan penggunaan Laman Web secara berterusan oleh anda hendaklah menjadi dan disifatkan sebagai persetujuan anda terhadap apa-apa pindaan tersebut. Jika anda tidak bersetuju dengan pindaan tersebut, anda dinasihati agar segera berhenti mengakses dan menggunakan Laman Web ini.

10. Pautan ke Laman-laman Web Pihak Ketiga

Laman Web ini mungkin mengandungi pautan ke laman-laman web lain yang mana amalan-amalan privasi laman-laman web lain mungkin berbeza daripada amalan-amalan privasi kami. Sekiranya anda menghantar sebarang data peribadi ke mana-mana laman web tersebut, maklumat anda tertakluk kepada dasar privasi laman web tersebut. Kami menasihati agar anda membaca dasar privasi di laman-laman web tersebut dengan berhati-hati.

11. Bahasa

Dasar Privasi ini disediakan dalam versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia. Jika terdapat perbezaan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris haruslah digunapakai.

12. Hubungi Kami

Sekiranya ada sebarang perubahan pada Data Peribadi anda atau anda ada sebarang pertanyaan berkaitan dengan Dasar Privasi ini, anda boleh menghubungi kami melalui email di support@econfirm.my atau menulis kepada kami di alamat:-

Extol Corporation Sdn Bhd
1-40-1, Menara Bangkok Bank,
Berjaya Central Park,
No. 105, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur